



# Fenomena HOBI GENERASI BAHARU

Oleh Samat Buang

**H**OBI merupakan aktiviti rekreasi yang dilakukan pada masa lapang bagi menenangkan fikiran seseorang. Tujuan hobi adalah untuk memenuhi minat dan mendapatkan keseronokan, tetapi kadang-kadang hobi dapat juga bertukar menjadi punca pendapatan. Terdapat pelbagai jenis hobi termasuklah, mengumpul,

membuat, membaiki, bermain, dan berunsurkan pendidikan. Ada hobi yang percuma dan ada pula yang memerlukan belanja. Apa-apa pun hobi yang dilakukan oleh seseorang pastinya dapat mengisi masa lapang dengan membuat kerja yang berfaedah, sekali gus mengelakkan diri daripada terjebak dengan gejala yang tidak sihat. Menerusi hobi, seseorang juga memperoleh banyak maklumat yang

Youth-



bersama di dalam rumah, yang akan turut dilayan seperti anak kecil. Tidak mustahil sekiranya ada individu yang sanggup berhabis ribuan ringgit sebulan semata-mata membeli makanan serta keperluan harian haiwan ini, termasuk pasir untuk najis, syampu dan sikat, atau membeli seekor anak kucing import daripada baka yang baik.

Sebagai ekoran banyaknya anggota masyarakat yang gemar memelihara kucing, ada sesetengah pihak terfikir untuk menubuhkan persatuan yang berkaitan dengan haiwan tersebut dalam usaha menjadi hobi mereka lebih bermanfaat. Antara persatuan kucing di Malaysia yang aktif dengan pelbagai aktiviti termasuklah Cats Advocates And Troupers Society (CATS), persatuan yang dilihat semakin bergerak aktif di negara ini.

Selain itu, kucing amat sinonim menjadi haiwan peliharaan kepada manusia. Maka tidak hairanlah ada sahaja pameran haiwan itu diadakan. Atas faktor itu juga, Kelab Kucing Malaysia (KKM) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya menganjurkan Festival Pencinta Haiwan Putrajaya 2015 (Palof) di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, pada Mac 2015. Selain menjadi platform bagi pemilik kucing mempamerkan pelbagai jenis dan baka haiwan itu, pameran tersebut turut memberikan hiburan, serta mampu mendidik masyarakat untuk mencintai haiwan manja berkenaan.

Hobi seni merpati hias ini telah lama bertapak dalam masyarakat di negara ini. Pemeliharaan merpati hias bukan sahaja berkembang sebagai hobi, tetapi turut dijadikan industri. Walaupun hobi ini mahal, minat yang mendalam tidak menghalang penggemar burung merpati untuk berbelanja ribuan ringgit semata-mata untuk mendapatkan baka terbaik, selain mahu mendapatkan

sangkar yang selesa. Sifat burung merpati yang mudah diajar. Selain penampilan, bentuk badannya unik. Peluang menjanakan pendapatan tambahan menerusi haiwan itu membuatkan semakin banyak orang mahu memeliharanya. Burung merpati

Bagi sesetengah orang, mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah dapat memenuhi keperluan yang dicari meskipun aktiviti yang dilakukan menguji ketahanan fizikal dan mental.

perlu dititikberatkan aspek kebersihan dan penyediaan sistem pengudaraan baik untuk menjamin kesihatan haiwan tersebut supaya dapat mengawan, bertelur, dan menetasakan anak dengan sempurna.

Secara umumnya, terdapat 300 spesies merpati daripada sembilan buah keluarga Columbidae di seluruh dunia

yang kini menjadi produk perniagaan yang dapat memberikan keuntungan. Di Kelantan, Kelab Peminat Merpati Kelantan (KPC), yang ditubuhkan pada Januari 2013, kini mempunyai 500 orang ahli berdaftar, bahkan turut menarik minat penggemar dari Terengganu, Pahang dan Kuala Lumpur untuk menyertai kumpulan tersebut. Bagi mendedahkan orang ramai kepada pemeliharaan merpati hias ini, KPC telah mengadakan pameran merpati hias. Pameran merpati hias dianjurkan bagi memperkenalkan dan mengkomersialkan seni kecantikan burung itu sebagai sebahagian produk pelancongan negara. Dengan adanya dunia tanpa sempadan, tidak mustahil industri merpati hias di negara ini mampu menembusi pasaran Asia terutama ke Indonesia, Filipina dan Thailand. Program yang mendapat kerjasama daripada Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, itu memperkenalkan sebanyak 500 ekor merpati hias dari jenis luar negara termasuklah Hana Pourter, Norwich Cropper, Brunner Pouters, Modena, American Faintail, Mookee serta sebahagian 200 spesies tempatan.

Kejayaan mencapai dan memenuhi keperluan merupakan salah satu perkara yang dapat menggembirakan

bermanfaat, menjanakan pendapatan, sekali gus berperanan sebagai pengisian untuk beriadah. Banyak orang mempunyai pelbagai hobi yang menarik dan berbeza-beza, serta dianggap pelik.

Bermain dan bermain dengan kucing pada waktu terluang merupakan antara hobi kebanyakan masyarakat hari ini. Kucing antara haiwan jinak yang cukup popular dalam kalangan masyarakat yang menjadi "penghuni"



diri seseorang. Bagi sesetengah orang, mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah dapat memenuhi kepuasan yang dicari meskipun aktiviti yang dilakukan menguji ketahanan fizikal dan mental. Begitu juga dengan individu yang suka akan hobi di bawah kategori ekstrem dan mencabar, termasuklah mendaki gunung. Aktiviti ini tidaklah begitu popular dalam kalangan remaja muda, namun kepuasan yang diperolehi tetap sama sebagaimana hobi yang lain. Hanya berbekalkan keberanian dan keyakinan, seseorang yang berminat dengan hobi tersebut pasti berjaya sampai di puncak untuk melihat keindahan hamparan langit biru dan keindahan panorama alam semula jadi, di samping merehatkan minda dan pada masa yang sama, memenuhi kepuasan diri untuk melakukan aktiviti mencabar.

Pendakian yang mengambil masa berjam-jam lazimnya memerlukan pendaki melalui cerun yang curam. Yang menjadikannya lebih mencabar ialah struktur batu yang tidak rata serta tajam, terutama apabila hampir sampai di bahagian puncak. Situasi ini memerlukan para pendaki lebih berhati-hati kerana sedikit kesilapan dan kecuaiian boleh menyebabkan sesiapa sahaja terjatuh ke dalam gaung yang curam yang akhirnya boleh mengundang kecelakaan. Itulah sebahagian daripada cabaran sebenar mendaki mana-mana bukit atau gunung

bagi pendaki untuk meneruskan pendakian ke puncak.

Sementara itu, di bahagian puncak, selain berpeluang menikmati panorama indah, pendaki juga berkesempatan melihat batu kristal yang terbentuk hasil daripada luluhawa, selain dapat melihat pelbagai spesies fauna yang eksotik. Rata-rata berdasarkan pengalaman pendaki yang berpengalaman, hobi mendaki gunung merupakan aktiviti yang sangat berbaloi kerana dapat merasa pelbagai cabaran, di samping dapat menikmati pemandangan yang cukup indah setelah penat berusaha untuk sampai di puncak.

Satu lagi aktiviti yang benar-benar menguji tahap kesabaran yang tinggi termasuk aktiviti memikat



burung, seperti burung tekukur dan merbuk, mengisi masa terluang. Aktiviti memikat burung bukan lagi sekadar hobi, malah menjadi sumber pendapatan sampingan yang lumayan kepada kebanyakan "kaki burung" sehingga mencecah ribuan ringgit bagi setiap burung pemikat. Walaupun ada yang memandang sinis kepada mereka kononnya hanya membuang masa berjam-jam lamanya untuk menangkap seekor burung, pada hakikatnya mereka tidak mengetahui kisah sebenar kerana mereka mampu memperoleh pendapatan agak lumayan hasil melakukan aktiviti tersebut. Semua pandangan negatif masyarakat terhadap hobi memikat burung tidak pernah melunturkan semangat peminat



tegar aktiviti memikat burung. Setakat ini harga paling mahal burung pemikat yang pernah dijual mencecah ribuan ringgit seekor dan harga pasaran burung pemikat bergantung pada banyak faktor, termasuklah kemerduan bunyi serta jumlah burung liar yang dapat ditangkap. Lazimnya, terdapat dua kaedah popular yang digunakan untuk menangkap burung liar, iaitu menggunakan alat yang dinamik racik atau jebak kerana kedua-dua kaedah ini memerlukan burung pemikat bagi menarik perhatian burung liar.

Sementara itu, bunyi suara burung pemikat yang baik bukan faktor penentu pemikat akan pulang dengan hasil tangkapan memuaskan kerana sifat garang serta berani burung liar untuk datang berlagu dengan burung pemikat turut memainkan peranan. Tegasnya, hobi ini semakin terkurub jika tiada sebarang usaha dilakukan untuk mengetengahkannya dalam kalangan generasi muda.

Memancing menjadi antara hobi paling diminati, terutama bagi golongan lelaki. Tidak menghairankan andai ada orang yang sanggup habis beribu-ribu ringgit bagi mendapatkan joran yang terbaik untuk memancing. Ada yang gemar memancing di laut dan tidak kurang yang suka memancing di sungai atau kolam ikan. Di negara ini, banyak lokasi strategik yang dianggap syurga bagi kaki pancing, sama ada sungai, tasik, lautan ataupun kolam pancing. Namun begitu, ada sesetengah pemancing menjadikan hobi memancing sebagai sumber pendapatan sampingan menerusi pertandingan memancing. Hasil kajian yang dilakukan terbukti memancing ialah hobi sebahagian besar masyarakat di Malaysia dan kini semakin popular.

Memancing bukanlah hobi semata-mata kerana ada masanya hobi ini

**Walaupun sesetengah hobi mengambil masa yang lama, menguji ketahanan fizikal dan mental, menguji tahap kesabaran, dan melibatkan kos yang tinggi, hobi tersebut tetap memberikan kepuasan kepada pengamalinya.**

Selangor siri akhir di Taman Tasik Shah Alam. Memang seronok dapat bertemu rakan yang mempunyai minat yang sama, tetapi lebih menyeronokkan apabila hobi ini dapat dikongsi dengan ahli keluarga, selain peluang untuk beriadah.

Dron mini merupakan permainan kawalan radio atau jauh paling digilai di dunia, termasuk di Malaysia, pada masa ini. Pesawat kawalan radio ini sebenarnya bukan baharu, tetapi telah wujud sejak 1930-an lagi. Dron yang juga dikenali sebagai pesawat tanpa pemandu (UAV) merupakan pesawat terbang tanpa pemandu dan krew. Dron boleh dikawal sama ada oleh alat kawalan jauh atau melalui komputer. Perkembangan teknologi ini juga membolehkan orang ramai memiliki dron sebagai hobi pada waktu lapang, di samping melakukan penggambaran filem, fotografi dan sukan. Bentuknya juga pelbagai, iaitu ada yang berbentuk helikopter, pesawat pengebom, pesawat penumpang dan jet pejuang, tetapi bebanyak paling popular sekarang ialah quadcopter. Dron yang digunakan oleh orang ramai ini dron mini, iaitu saiznya jauh lebih kecil berbanding dengan dron yang digunakan oleh pasukan keselamatan, namun tetap mempunyai fungsi yang sama. Mereka yang memiliki dron sekadar sebagai hobi untuk menerangkan pesawat ini biasanya tidak memerlukan alat sampingan,

membawa tuah kepada kaki pancing, terutama apabila menyertai pertandingan memancing. Sebagai contoh, pada pertengahan Disember 2014, pertandingan memancing yang dikendalikan oleh Wakjali Event Management menyediakan hadiah bernilai RM121 ribu dalam pertandingan memancing GP

seperti kamera atau GPS. Golongan ini biasanya berkumpul untuk bermain dron di kawasan lapang.

Selain itu, merakamkan gambar atau video dengan menggunakan dron merupakan trend yang sedang popular sekarang. Teknik fotografi atau videografi menggunakan dron ini dikenali sebagai rakaman udara yang merakamkan gambar atau video dengan menggunakan kamera yang dipasang pada dron. Kelebihan dron fotografi ini ialah jurugambar tidak perlu memanjat pokok atau bangunan tinggi untuk mendapatkan sudut terbaik bagi merakamkan gambar. Hal ini dikatakan demikian kerana dron yang dilengkapi kamera ini mampu terbang setinggi 400 meter dari permukaan tanah dan dalam radius satu kilometer untuk merakamkan gambar. Selain fotografi sebagai hobi, dron kini digunakan untuk merakamkan aksi sukan, khususnya lumba basikal dan lumba kereta lasak, serta untuk penggambaran filem.

Di samping itu, sama seperti teknologi lain, dron terdedah kepada penyalahgunaan. Dron yang dijual sebagai alat permainan ini bukan sahaja dijadikan sebagai hobi, tetapi ada yang menggunakan dron ini untuk melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang. Isu yang paling banyak dibangkitkan tentang penggunaan dron ialah pencerobohan hak privasi individu dengan merakamkan gambar atau video seseorang di dalam rumah atau di tempat tertentu, seperti di pantai. Kes yang paling banyak dilaporkan ialah dron digunakan untuk mengintai wanita berbogel.

Secara tuntas, sebenarnya masih banyak lagi hobi lain yang dilakukan bagi mengisi lapang seseorang individu atau secara berkumpulan. Walaupun sesetengah hobi mengambil masa yang lama, menguji ketahanan fizikal dan mental, menguji tahap kesabaran, dan melibatkan kos yang tinggi, hobi tersebut tetap memberikan kepuasan kepada pengamalinya. Oleh itu, diharapkan apa-apa sahaja hobi yang dilakukan, sama ada secara percuma ataupun yang melibatkan kos, perlu diteruskan kerana mempunyai manfaat yang tersendiri kepada mereka walaupun ada pihak yang menganggapnya sebagai pelik. Hanya penggemar hobi tersebut yang mengetahui nilai dan kepentingannya. 